



01 FEB, 2024

Lori lapan tan ditahan

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



MOHD Asri (kanan) menunjukkan rokok putih yang dirampas. - Gambar NSTP/ASROL AWANG

Lori lapan tan ditahan

JKDM Pahang tumpas cubaan seludup rokok putih bernilai RM3.02j

Oleh Asrol Awang
am@hmetro.com.my

Kuantan

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang mematahkan cubaan menyeludup rokok putih yang dianggarkan bernilai RM3.02 juta di Kilometer 35.1 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak.

Pengarah JKDM Pahang Mohd Asri Seman berkata, cubaan sindiket terbabit berjaya dihalang sepasu-

kan Bahagian Penguatkuasaan JKDM negeri selepas menahan sebuah lori lapan tan pada jam 2 petang, 15 Januari lalu.

Menurutnya, pihaknya turut menahan seorang lelaki yang juga pemandu lori terbabit berusia dalam lingkungan 30-an.

"Lori yang ditahan itu dipercayai dalam perjalanan dari Kelantan ke Lembah Klang dan utara tanah air.

"Hasil pemeriksaan fizikal mendapati muatan dibawa adalah rokok yang

disyaki barang larangan import.

"Rokok putih yang dirampas itu berjumlah 3,980,000 batang dengan nilai rampasan dianggarkan RM363,400 dan jumlah duti serta cukai yang terbabit dianggarkan bernilai RM2,658,640.

"Nilai keseluruhan rampasan membabitkan rokok putih dan sebuah lori pula dianggarkan berjumlah RM3,067,040," katanya ketika sidang media di Wisma JKDM Pahang di sini,

semalam.

Mohd Asri berkata, kes itu adalah rampasan terbesar dilakukan Bahagian Penguatkuasaan JKDM Pahang pada tahun ini.

Menurutnya, lori dan rokok yang dirampas dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan Kuantan untuk siasatan lanjut.

"Modus operandi sindiket ialah menggunakan lori dan bergerak aktif pada waktu kemuncak untuk mengaburi mata pihak berkuasa," katanya.



01 FEB, 2024

Lori lapan tan ditahan

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

MOHD Asri (kanan) menunjukkan rokok putih yang dirampas. - Gambar NSTP/ASROL AWANG

JKDM Pahang tumpas cubaan seludup rokok putih bernilai RM3.02j

Kuant an Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang mematahkan cubaan menyeludup rokok putih yang dianggarkan bernilai RM3.02 juta di Kilometer 35.1 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak.Pengarah JKDM Pahang Mohd Asri Seman berkata, cubaan sindiket terbabit berjaya dihalang sepasukan

Bahagian Penguatkuasaan JKDM negeri selepas menahan sebuah lori lapan tan pada jam 2 petang, 15 Januari lalu.